



# PENGENALAN FORMAT BAHARU

# 12 DIGIT

# NOMBOR PENDAFTARAN ENTITI PERNIAGAAN

SOALAN DAN JAWAPAN LAZIM UNTUK **PELAKSANAAN FORMAT BAHARU NOMBOR PENDAFTARAN BAGI ENTITI PERNIAGAAN YANG BERDAFTAR DENGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)**



## SSM Contact Centre

Tel: 03 7721 4000 | Fax: 03 7721 4001

E-mel: [enquiry@ssm.com.my](mailto:enquiry@ssm.com.my)

### Alamat:

Menara SSM@Sentral No7, Stesen Sentral 5 Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur


# 1

## Apakah Format Baharu Nombor Pendaftaran Entiti Perniagaan SSM?

- a) Format Baharu Nombor Pendaftaran Entiti Perniagaan ini akan menggantikan nombor pendaftaran yang sedia ada di SSM.
- b) Format baharu nombor pendaftaran entiti perniagaan mengandungi 12 digit nombor iaitu:-
- 4 digit** – Tahun entiti perniagaan didaftarkan
  - 2 digit** – Kod entiti perniagaan
  - 6 digit** – Turutan nombor pendaftaran
- c) Kod entiti perniagaan seperti berikut:-

Jenis Entiti Pendaftaran	Kod Entiti
Syarikat Tempatan	01
Syarikat Asing	02
Perniagaan	03
Perkongsian Liabiliti Terhadap Tempatan	04
Perkongsian Liabiliti Terhadap Asing	05
Perkongsian Liabiliti Terhadap Amalan Profesional	06

- d) Contoh format baharu nombor pendaftaran:-



## 2

### Apakah tujuan pelaksanaan format baharu nombor pendaftaran ini?

- a) Ia diperkenalkan bagi menggantikan pelbagai format nombor pendaftaran yang dijana di bawah sistem sedia ada. Ini selaras dengan inisiatif kerajaan untuk menggunakan satu format pendaftaran tunggal bagi entiti perniagaan di Malaysia.
- b) Format baharu ini mempunyai beberapa ciri utama seperti berikut:-
  - i. Mengandungi nombor 12 digit seperti mana nombor kad pengenalan;
  - ii. Mempunyai nilai dari sudut mempamerkan keberadaan syarikat, perniagaan dan PLT dalam industri berdasarkan tahun pendaftaran; dan
  - iii. Menetapkan had nombor pendaftaran bagi memudahkan sistem dibangunkan berbanding tiada had dalam penetapan nombor pendaftaran.

## 3

### Bilakah format baharu nombor pendaftaran akan dilaksanakan?

Tarikh pelaksanaan format baharu nombor pendaftaran adalah pada 11 Oktober 2019.

## 4

### Adakah nombor pendaftaran sedia ada akan terlibat dengan format baharu ini?

Ya. Semua syarikat, perkongsian liabiliti terhad dan perniagaan sedia ada akan diberikan nombor pendaftaran 12 digit yang baharu.

Contoh paparan nombor pendaftaran seperti berikut:-

Nama : AMS Setia Jaya Sdn. Bhd.  
No. Pendaftaran : 201901000005 (1312525-A)

# 5

**Apa yang akan terjadi kepada nombor pendaftaran sedia ada (lama)?**

Nombor pendaftaran sedia masih dikekalkan dan boleh digunakan sehingga dimaklumkan kelak.

# 6

**Apakah tindakan SSM kepada semua pelanggan dan pihak berkepentingan untuk memaklumkan perkara ini?**

Sehingga kini, hebahan telah dibuat melalui portal rasmi SSM, media sosial serta poster edaran di Ibu Pejabat dan pejabat-pejabat negeri SSM bagi memaklumkan kepada orang ramai mengenai format baharu nombor pendaftaran ini.

# 7

**Bagaimana entiti perniagaan sedia ada hendak mendapatkan format baharu nombor pendaftaran mereka?**

Semakan format baharu nombor pendaftaran boleh dilakukan di portal SSM menerusi perkhidmatan e-Search, e-info dan MyData secara percuma mulai tarikh pelaksanaan.

# 8

**Adakah entiti perniagaan boleh menggunakan nombor pendaftaran sedia ada dan bilakah penggunaan format baharu nombor pendaftaran akan digunapakai?**

Ya, entiti perniagaan masih boleh menggunakan nombor pendaftaran sedia ada. Ia masih boleh digunakan bagi urusan yang melibatkan agensi lain serta di surat rasmi, invois, papan tanda dan cetakan lain-lain dokumen. Namun begitu penggunaan nombor pendaftaran berformat baharu adalah digalakkan.

Format baharu nombor pendaftaran akan digunapakai sepenuhnya selepas dimaklumkan kelak.



## **9** Semasa serah simpan dokumen berkanun / pendaftaran di kaunter perkhidmatan SSM, apakah format nombor pendaftaran yang perlu dinyatakan?

Kedua-dua format nombor pendaftaran sama ada lama atau baharu boleh dinyatakan di dokumen berkanun / pendaftaran semasa serah simpan dilakukan. Ia juga terpakai untuk surat iringan.

## **10** Adakah sijil perakuan / notis pendaftaran yang telah dikeluarkan sebelum tarikh pelaksanaan masih sah digunapakai?

Ya, sijil perakuan dan notis pendaftaran tersebut masih sah digunapakai dan tidak perlu digantikan.

## **11** Apa yang perlu kami lakukan sekiranya ada pihak ketiga mempertikaikan kesahihan format baharu nombor pendaftaran?

Pihak ketiga boleh mendapatkan surat perakuan daripada SSM melalui mana-mana kaunter perkhidmatan SSM (kecuali UTC Pudu, Putrajaya dan Cyberjaya).

# 12

Adakah maklumat format baharu nombor pendaftaran akan terpapar dalam maklumat korporat yang dibekalkan?

Ya, sebaik pelaksanaan, cetakan maklumat korporat akan memaparkan format baharu nombor pendaftaran juga.

# 13

Siapakah yang boleh kami hubungi bagi mendapatkan maklumat lanjut?

Pelanggan boleh menghubungi mana-mana pejabat SSM terdekat atau menelefon Pusat Panggilan SSM di **03-77214000** atau e-melkan kepada **[enquiry@ssm.com.my](mailto:enquiry@ssm.com.my)**.

